

31/12/2004

Masalah pendatang asing perlu penyelesaian muktamad

By Abd Rahman Sulaiman

KALAU bukan kerana tragedi tsunami yang melanda beberapa negara Asia Ahad lalu, ratusan anggota penguat kuasa daripada polis, tentera dan imigresen yang dibantu oleh sukarelawan Relu dan Rukun Tetangga (RT) akan mula menyerbu rumah kongsi, ladang kelapa sawit, kilang dan tempat tumpuan atau persembunyian pendatang asing mulai esok.

Yang mereka cari ialah pendatang yang tidak memiliki sebarang dokumen perjalanan sah atau permit kerja membolehkan mereka mencari rezeki di negara ini.

Pendatang ini dari mana juga asal mereka, sama ada Indonesia, Thailand, Pakistan, Bangladesh, China, India, Nepal atau Myanmar, diklasifikasikan sebagai 'pendatang asing tanpa izin'. Dengan demikian kehadiran mereka di Malaysia tidak direstui.

Pendatang yang diserakup dalam serbuan ini akan ditangkap dan ditahan di tempat tahanan sementara untuk diproses dan kemudian dihantar pulang ke negara asal masing-masing.

Sementara menunggu butiran diri mereka dicatat, pendatang yang tidak bernasib baik ini akan diminta duduk bertinggang berbaris-baris dengan wajah masing-masing kelihatan sugul, malu-malu atau kebingungan.

Tentunya sebahagian daripada mereka terdiri daripada wanita dan mungkin juga anak kecil. Yang lelaki mungkin hanya memakai seluar pendek atau seluar sukan dan tidak berbaju.

Pastinya semua detik ini - bermula daripada serbuan agensi penguat kuasa sehingga kepada perbarisan bertinggang dan penghantaran pulang pati ini - akan dirakamkan krew televisyen termasuk dari luar negara seperti CNN dan BBC. Visual yang mengaibkan ini kemudian ditayangkan, biasanya secara berulang-ulang kepada khalayak di seluruh dunia.

Mereka yang menonton visual ini, termasuk bakal pelancong dan pelabur akan membuat tafsiran sendiri mengenai cara dan kaedah Malaysia melayani orang asing. Bagi mereka yang tidak mempunyai maklumat sebenar mengenai Malaysia, visual sedemikian pasti akan mempengaruhi pembentukan persepsi mereka terhadap negara ini. Lama kelamaan imej negara akan terjejas juga, sedangkan Malaysia cukup sensitif perihal imej ini.

Mungkin ada pihak tidak senang dengan senario yang cuba digambarkan ini. Tetapi hakikatnya inilah yang berlaku dalam operasi terhadap pendatang yang pernah dilancarkan sebelum ini, walaupun tidak sebesar dari segi skalanya seperti yang dirancang kali ini.

Tulisan ini tidak bermaksud menagih simpati untuk ribuan pendatang asing yang sejak sekian lama membanjiri negara, asalnya atas sebab ekonomi tetapi akhirnya menimbulkan pelbagai masalah kepada penduduk tempatan termasuk keselamatan, kesihatan dan sosial.

Ia juga tidak bertujuan memperlekeh usaha pihak berkuasa menyelesaikan masalah berkenaan. Apa yang cuba diketengahkan hanyalah pandangan alternatif disuarakan oleh sesetengah pihak yang bimbang publisiti negatif mengenai operasi besar-besaran itu akan menjejaskan imej negara, sekali gus membawa kesan kurang baik terhadap industri pelancongan dan usaha menarik lebih ramai pelabur asing.

Ada juga pihak yang menyoal apakah tidak mungkin operasi seperti ini dijalankan secara berterusan dan dalam diam, tidak seperti sekarang apabila gerakan memburu pendatang asing itu dibuat berkala dengan publisiti meluas.

Seperti yang diketahui umum, operasi besar-besaran yang sepatutnya

bermula esok dan disifatkan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Datuk Azmi Khalid, sebagai 'operasi kuasa rakyat' dijadualkan menyusuli tempoh pengampunan yang sepatutnya berakhir hari ini.

Bagaimanapun, kerajaan mengambil keputusan melanjutkan tempoh itu selama sebulan lagi sehingga 31 Januari sebagai memenuhi permintaan Kerajaan Indonesia yang kini terpaksa bergelut dengan masalah menangani kesan tragedi tsunami.

Indonesia adalah negara paling teruk ditimpa tragedi itu. Setakat ini jumlah kematian dianggarkan boleh mencecah angka 80,000. Kebanyakan mayat ditemui di wilayah Aceh dan pulau di sekitarnya. Puluhan ribu lagi penduduk cedera atau kehilangan tempat tinggal. Banyak lagi mayat dijangka belum dapat dikesan akibat terputusnya perhubungan.

Seperti yang dijelaskan Timbalan Perdana Menteri yang juga Menteri Pertahanan, Datuk Seri Najib Razak, Malaysia bersimpati dengan masalah yang dihadapi Indonesia.

Keadaan di Indonesia kini amat tertekan dan tindakan Malaysia melanjutkan tempoh pengampunan itu adalah sebahagian daripada bantuan yang dapat disumbangkan.

Negara ini juga menghantar Pasukan Khas Mencari dan Menyelamat Malaysia (Smart) yang dianggotai 89 orang untuk membantu kerja menyelamat mangsa gempa bumi dan tsunami di Aceh.

Sebenarnya, kerajaan baru Indonesia di bawah pimpinan Presiden Susilo Bambang Yudhoyono cukup memahami masalah yang dihadapi Malaysia berhubung pendatang, yang kebanyakannya warga Indonesia.

Berikutan rundingan antara Najib dengan pemimpin republik itu di Jakarta awal bulan ini, Indonesia mempamerkan kerjasama cukup baik terhadap Malaysia dalam operasi penghantaran pulang pati Indonesia.

Republik itu telah menghantar kapal tentera lautnya untuk membawa pulang rakyatnya yang datang ke Malaysia secara tidak sah.

Kedua-dua negara juga telah menandatangani perjanjian kerjasama untuk Indonesia membekalkan tenaga kerja kepada Malaysia secara sah dan teratur. Sebenarnya, atas dasar persefahaman yang baik inilah maka Malaysia bersetuju melanjutkan tempoh pengampunan itu sebanyak dua kali.

Tempoh pengampunan itu yang dilancarkan pada awal Oktober mulanya dijadualkan berakhir 14 November. Ia dilanjutkan sehingga 31 Disember atas permintaan Indonesia yang ketika itu sedang membuat persiapan untuk upacara mengangkat sumpah Presiden. Penangguhan terakhir adalah atas sebab di luar jangkaan.

Diharapkan tidak ada pihak, terutama di kalangan pendatang itu sendiri, yang menganggap keputusan kerajaan itu sebagai menunjukkan kelemahan dan cuba mengambil kesempatan dengan melengah-lengahkan kepulangan mereka.

Sebaliknya, mereka harus mengambil peluang ini untuk pulang ke tanah air mereka secara sukarela dengan kemudahan perjalanan yang disediakan kerajaan mereka.

Dianggarkan masih ada 400,000 hingga 600,000 pendatang, kebanyakannya warga Indonesia di Malaysia.

Sehingga Selasa lalu, kira-kira 220,000 orang, kebanyakannya warga Indonesia, meninggalkan negara ini melalui program pengampunan.

Diharapkan lebih ramai pendatang meninggalkan negara dalam tempoh yang dilanjutkan itu untuk mengelakkan pihak berkuasa daripada terus memburu mereka.

Sekiranya sebahagian besar daripada baki pendatang yang masih tinggal di negara ini dapat kembali ke negara asal masing-masing secara sukarela sebelum akhir bulan depan, maka Malaysia mungkin tidak perlu meneruskan rancangan memburu mereka dengan menggunakan seluruh jentera penguat kuasa kerajaan yang ada. Dengan demikian publisiti negatif mengenai negara dapat dielakkan.

Apa pun, penyelesaian ini hanyalah penyelesaian sementara. Tidak ada jaminan bahawa pendatang yang pulang itu tidak akan kembali menyusup ke negara ini dalam tempoh terdekat. Berdasarkan kepada pengalaman lampau dan mengambil kira kawasan pantai Malaysia yang sentiasa terdedah, kemungkinan ini terlalu besar.

Perlu diingat bahawa selagi dua faktor yang mempengaruhi pergerakan manusia dari satu negara ke satu negara masih wujud, iaitu faktor penolak dan faktor penarik, maka selama itulah masalah kebanjiran pendatang akan terus menghantui negara.

Masalah kemiskinan dan kesempitan hidup di negara asal akan bertindak sebagai faktor penolak yang akan mendorong seseorang meninggalkan negaranya untuk mencari rezeki di tempat lain sementara kemewahan yang dilihat wujud di Malaysia bertindak sebagai faktor penarik.

Berdasarkan kepada hakikat ini, adalah jelas bahawa satu kaedah jangka panjang perlu dicari dan dikenal pasti untuk menyelesaikan masalah kebanjiran pendatang secara menyeluruh dan muktamad.

Kemelut berkenaan yang mula melanda negara sejak pertengahan 80-an sudah banyak membawa kesengsaraan kepada pelbagai pihak. Ini termasuk nyawa ratusan pendatang itu sendiri yang lemas apabila bot mereka karam ketika menyeberangi Selat Melaka, pekerja yang ditindas dan didera oleh majikan yang tidak bertimbang rasa dan rakyat tempatan yang hilang peluang pekerjaan akibat tabiat majikan yang mengutamakan pekerja asing.

Di samping itu, hubungan diplomatik antara Malaysia dengan beberapa negara jiran juga sering terganggu dan tegang akibat masalah itu.

Pada 2002, apabila Malaysia melancarkan Ops Nyah 1, negara ini dikritik hebat oleh pihak luar termasuk pemimpin, akhbar dan rakyat Indonesia.

Di Jakarta, penunjuk perasaan membakar bendera Malaysia dan memecahkan pintu utama bangunan kedutaan negara.

Di Manila pula, polis pencegah rusuhan terpaksa dipanggil apabila penunjuk perasaan yang cuba memasuki bangunan Kedutaan Malaysia bertembung dengan pasukan pengawal di situ.

Kini pemerintah baru Indonesia cukup memahami masalah yang dihadapi Malaysia akibat kebanjiran pendatang asing itu. Mereka memberikan kerjasama yang luar biasa dengan menghantar kapal Tentera Nasional Indonesia (TNI-Angkatan Laut) untuk mengangkut rakyat mereka pulang di bawah program pengampunan sekarang.

Berdasarkan hubungan baik antara Malaysia dan Indonesia sekarang, ditambah dengan suasana pelaburan yang kian pulih di republik itu, cadangan bekas Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad supaya syarikat Malaysia memindahkan operasi mereka ke negara jiran itu cukup wajar sebagai satu daripada pendekatan jangka panjang untuk menangani masalah kebanjiran pekerja asing.

Seperti yang Dr Mahathir sebutkan, adalah lebih baik bagi syarikat yang berintensifkan buruh memindahkan operasi mereka ke Indonesia kerana sebahagian besar tenaga kerja mereka terdiri daripada rakyat negara itu.

Selaras dengan tumpuan Malaysia sekarang yang memberi penekanan kepada industri berteknologi tinggi serta teknologi maklumat dan komunikasi (ICT), mungkin ada juga logiknya saranan itu dipanjangkan kepada syarikat asing yang berintensifkan buruh.

Kalau ketika 1970-an dulu, syarikat demikian digalakkan bercambah di Malaysia kerana peluang pekerjaan yang mereka wujudkan untuk penduduk tempatan, logik ini tidak boleh lagi dipakai sekarang berdasarkan kepada sebahagian besar pekerja mereka terdiri daripada warga asing.

Dari segi hasil kepada kerajaan juga, mereka tidak menyumbang banyak kerana perusahaan itu menikmati pelbagai insentif dari segi percukaian.

Sesungguhnya, saranan Dr Mahathir itu adalah satu cadangan yang baik. Cadangan lain tentu boleh difikirkan oleh perancang negara dari semasa ke

semasa.

* Penulis adalah bekas Ketua Pengarang Bernama. Beliau pernah dipilih sebagai Ketua Umno Bahagian selama dua penggal dan Ahli Parlimen Parit Buntar selama sepenggal.

(END)